



## **PANDUAN BAGI LATIHAN *PROVISIONALLY REGISTERED PHARMACIST* (PRP) DI FASILITI LIBERALISASI KEPADA GRADUAN PROGRAM IJAZAH FARMASI YANG DIKTIRAF OLEH LEMBAGA FARMASI MALAYSIA**

### **Proses Penempatan *Provisionally Registered Pharmacist* (PRP)**

#### **Di Fasiliti Liberalisasi**

Penempatan latihan PRP di Fasiliti Latihan Liberalisasi akan melibatkan proses yang berikut;

- a) Permohonan pendaftaran Ahli Farmasi Berpendaftaran Provisional (PRP) – **rujuk Langkah 1**
- b) Permohonan bagi menjalani latihan PRP – **rujuk Langkah 2**
- c) Menjalani latihan PRP – **rujuk Langkah 3**

#### **Langkah 1: Pendaftaran Sebagai Ahli Farmasi Berpendaftaran Provisional (PRP)**

- Pemohon boleh mengemukakan permohonan pendaftaran PRP beserta dokumen sokongan ke Lembaga Farmasi Malaysia (salinan kad pengenalan dan ijazah farmasi yang diakui sah).
- Pemohon akan menerima No.PRP (cth: 006243) setelah permohonan diluluskan.

## **Langkah 2: Permohonan Menjalani Latihan Di Fasilitas Liberalisasi Yang Diiktiraf Oleh Lembaga Farmasi Malaysia**

### **Bagi graduan farmasi tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam:**

1. Pemohon perlu mengemukakan permohonan terus kepada syarikat yang **dipilih** seperti yang disenaraikan di dalam laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) (premis yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia)
2. Majikan hendaklah menetapkan sesi temuduga (jika perlu) mengikut tarikh yang sesuai.
3. Pemohon akan di beri **surat tawaran** berkerja jika berjaya.
4. Pemohon perlu kemukakan maklumat berikut kepada pihak *Talent Corporation Malaysia Berhad* (TalentCorp) bagi mengikuti program *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR):
  - a) No.pendaftaran PRP
  - b) Salinan surat tawaran bekerja dari Fasilitas Latihan Liberalisasi (yang diiktiraf oleh LFM) yang telah ditandatangani.
  - c) Borang *STAR Template* yang telah diisi (untuk tujuan pendaftaran STAR).

5. Urusetia STAR di TalentCorp akan membantu graduan bagi urusan pendaftaran dengan STAR (termasuk menghantar dokumen pengesahan penerimaan latihan PRP untuk kelulusan JPA).
6. Sekiranya diluluskan, JPA akan mengeluarkan **Surat Arahan Berkhidmat** dan **Surat Pindahan Kontrak** bagi mengesahkan graduan tersebut dapat memulakan *government bond* di Fasiliti Latihan Liberalisasi yang diiktiraf LFM.
7. Sekiranya majikan swasta tersebut belum berdaftar dengan STAR, perlu kemukakan maklumat Bahagian Sumber Manusia (*HR Department / recruiter*), atau rujuk maklumat dan keperluan pendaftaran bagi majikan di <http://star.talentcorp.com.my/employer/register>
8. Sebarang persoalan berhubung program STAR boleh hubungi:

*STAR Secretariat, TalentCorp Malaysia*

Tel: 03-88923824 / 3880 / 3838

Emel: [star@talentcorp.com.my](mailto:star@talentcorp.com.my)

**Bagi graduan farmasi BUKAN tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam:**

1. Pemohon perlu mengemukakan permohonan terus kepada syarikat yang **dipilih** seperti yang disenaraikan di dalam laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) (premis yang

diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia)

2. Majikan hendaklah menetapkan sesi temuduga (jika perlu) mengikut tarikh yang sesuai.
3. Pemohon akan di beri **surat tawaran** berkerja jika berjaya.

**Nota** : Cadangan **gaji asas minimum** : Mengikut nilai pasaran semasa (gaji permulaan bagi PRP di sektor kerajaan adalah sebanyak RM 2600)

: Jumlah **elaun** – berdasarkan **surat perjanjian** dua pihak

: **Cuti tahunan** – berdasarkan **surat perjanjian** dua pihak

: Tempoh latihan PRP selama satu (1) tahun diikuti tempoh perkhidmatan FRP (tempoh berdasarkan perjanjian dua pihak)

**Langkah 3: Menjalani Latihan PRP Di Fasiliti Latihan Liberalisasi Yang Diiktiraf Oleh Lembaga Farmasi Malaysia**

- PRP perlu mengisi dan mengemukakan [Borang Kelulusan LFM Untuk Menjalani Latihan PRP di Fasiliti Liberalisasi](#) **serta surat tawaran bekerja / kontrak** kepada Lembaga

Farmasi Malaysia **sebelum** melapor diri di tempat bertugas.

- PRP dikehendaki melapor diri di Fasiliti Latihan Liberalisasi berkaitan selepas mendapatkan kelulusan dari LFM melalui email.
- Tempoh latihan adalah satu (1) tahun dari tarikh PRP melapor diri.
- PRP perlu menjalani latihan mengikut jadual latihan yang telah ditetapkan di dalam buku log '*Record of training and experience of Provisionally Registered Pharmacist (PRP)*' yang perlu dimuat turun dari laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) .
- PRP perlu mencapai **markah minimum 60%** bagi setiap modul latihan yang ditetapkan di dalam buku log.
- Segala dokumen yang berkaitan untuk pendaftaran Ahli Farmasi Berdaftar Penuh (FRP) perlu disediakan dan di hantar ke LFM **satu (1) bulan dari tarikh tamat latihan PRP**.

